

20 SEPTEMBER 2017

UMNO Titiwangsa azam banteras dadah

UMNO Titiwangsa azam banteras dadah

KUALA LUMPUR 19 Sept.- Pergerakan Pemuda UMNO Bahagian Titiwangsa sedia bekerjasama dengan Polis Diraja Malaysia (PDRM) bagi menangani masalah penagihan dadah di kalangan belia terutama di daerah Wangsa Maju.

Ketuanya, Nazir Hussin Akhtar Hussin berkata, mereka akan mengadakan perjumpaan dengan Ketua Polis Daerah Wangsa Maju untuk membincangkan mengenai kerjasama tersebut.

"Pemuda UMNO bersedia mempelbagaikan program untuk terus mendekati golongan belia dan mahu mereka menjauhi perkara yang tidak baik.

"Kita mahu mendekati golongan belia dan menyalurkan maklumat kepada PDRM sekiranya mempunyai sebarang maklumat mengenai penagihan dadah," katanya.

Beliau ditemui ketika mengadakan lawatan di Pusat Tahfiz Darul Quran Ittifaqiyah, Jalan Datuk Keramat di sini hari ini.

Yang hadir sama ialah Pengarah Yayasan Noah, Datuk Nizar Najib yang juga Bendahari UMNO Bahagian Titiwangsa.

Nazir Hussin memberitahu,



NAZIR HUSSIN AKHTAR HUSSIN (empat dari kanan) menyampaikan sumbangan kepada Muhammad Zahid Mahmud di Pusat Tahfiz Darul Quran Ittifaqiyah, Keramat, Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/SHAFUDIN MOHD. NOR

buat masa ini, pihaknya telah menyalurkan bantuan kepada mangsa yang terlibat dalam kebakaran di pusat tahfiz tersebut.

"Kita berjaya mengumpulkan RM45,670 hasil sumbangan pel-

bagai pihak dan menyampaikan kepada pihak pengurusannya.

"Ada mangsa yang masih menerima rawatan dan ada juga ahli keluarga yang trauma dengan kebakaran tersebut. Kami berharap

sumbangan ini dapat meringankan beban mereka," katanya.

Tambah beliau, pihaknya berharap apabila ada masyarakat bukan Islam turut sama menghulurkan bantuan.